

Received: 27 April 2020; Accepted: 18 Jun 2020

## Relevansi Pewarisan Sanad *Talaqqi* al-Quran

Mohamad Redha bin Mohamad (corresponding author)<sup>1</sup>, Farhah Zaidar binti Ramli<sup>2</sup> & Norazman bin Alias<sup>3</sup>

Email: <sup>1</sup>mohamadredha@kuis.edu.my, <sup>2</sup>farhahzaidar@kuis.edu.my, <sup>3</sup>norazman@usim.edu.my

<sup>1</sup>Calon Phd, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

<sup>2</sup>Pensyarah, Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

<sup>3</sup>Pensyarah Kanan, Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

### Abstrak

Masyarakat Islam arus perdana di Malaysia mulai didedahkan dengan amali periwatan sanad *talaqqi* dalam konteks pengajian al-Quran. Banyak pihak berlumba-lumba untuk mendapatkan sanad *talaqqi* al-Quran. Sistem ini merupakan tradisi yang dititikberatkan oleh para *qurra'* dan mulai tersebar kepada umum. Umum mengetahui al-Quran diwariskan kepada setiap generasi secara bacaan iaitu *talaqqi musyafahah* dan bukannya tulisan. Namun pelbagai kluster dalam masyarakat masih kurang jelas dan sukar memahami relevansi berkaitan amali ini. Justeru, kajian perlu dilakukan untuk menganalisis relevansi pewarisan sanad dalam sistem *talaqqi* al-Quran secara *musyafahah*. Data-data kajian dikumpul secara analisis dokumen kepustakaan, manakala metode analisis data pula dilakukan secara deskriptif. Dapatkan menunjukkan terdapat lima faktor utama relevansi berkaitan iaitu sunnah Rasulullah SAW, kesahihan bacaan, kebanggaan penuntut ilmu, kelangsungan sanad '*ali*' dan bimbingan berterusan. Implikasi daripada dapatan kajian adalah mustahak untuk membimbing masyarakat membina persepsi yang tepat terhadap kepentingan amali pewarisan sanad *talaqqi* al-Quran.

**Kata kunci:** Relevansi, Sanad, *Talaqqi*, al-Quran, Malaysia.

## Relevance of the Inheritance of Sanad *Talaqqi* Al-Quran

### Abstract

The mainstream Islamic community in Malaysia has already began to be exposed by the practice of sanad *talaqqi* in the context of quranic studies. Many people struggled to obtain the sanad *talaqqi* al-Quran. This system is a tradition that has been emphasized by the *qurra'* and began to spread among the public. It is widely known that the al-Quran has been inherited to and by every generation through reading method known as *talaqqi musyafahah* instead of writing. However, various clusters in society are still unclear and it is difficult for them to understand the relevance of this practice. Therefore, research needs to be done to analyze the relevance of sanad inheritance of *talaqqi* al-Quran system via the method of *musyafahah*. Data of the study were collected through library document analysis, while the data analysis method was descriptive. The findings show that there are five main factors of such relevancy, namely the sunnah of the Prophet SAW, the legitimacy of the reading, the pride of the disciples, the viability of sanad '*ali*' and the continuous guidance. The implications of this study are that it is important to guide the community in order to build a proper perception towards the importance of the practice of inheritance of sanad *talaqqi* al-Quran.

**Keywords:** Relevance, Sanad, *Talaqqi*, al-Quran, Malaysia.

### 1. Pengenalan

Pengambilan sanad *talaqqi* al-Quran telah mula dititikberatkan di Malaysia (Norazman Alias, Khairul Anuar Mohamad & et. al, 2015). Ini berikutan beberapa faktor penting yang membawa kepada hasil positif apabila tradisi sanad sentiasa diamalkan. Antara program-program sanad yang popular masa kini di Malaysia adalah sanad *talaqqi* surah al-Fatihah, sanad *talaqqi* al-Quran dan sanad azan serta iqamah. Begitu juga penubuhan pusat pengajian dan institusi pengajian *talaqqi* al-Quran bersanad di Malaysia sudah mula memberangsangkan (Norazman Alias, Khairul Anuar Mohamad & et. al, 2015). Antara hadith yang menunjukkan kepentingan

bertalaqqi al-Quran adalah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad (1995) seperti berikut:

عَنْ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِمِ أَنَّهُ سَمِعَ رَجُلًا يَقْرَأُ آيَةً مِنْ الْقُرْآنِ فَقَالَ مَنْ أَفْرَأَكُمْ؟ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ فَقَدْ أَفْرَأَنِيهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَهُنَّا إِلَيْ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ أَحَدُهُمَا يَا رَسُولَ اللَّهِ أَيْهَا كَذَا وَكَذَا ثُمَّ قَرَأَهَا قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ هَكُذا أَنْزَلَتْ قَالَ الْآخَرُ يَا رَسُولُ اللَّهِ فَقَرَأَهَا عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ الْآخَرُ هَكُذا يَا رَسُولَ اللَّهِ قَالَ هَكُذا أَنْزَلَتْ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنَّ هَذَا الْقُرْآنَ أُنْزِلَ عَلَى سَبْعَةِ أَخْرُفٍ فَإِنَّ ذَكَرَتْمُ فَقَدْ أَخْسِنْتُمْ وَلَا تَمَارِوا فِيهِ فَإِنَّ الْمِرَاءَ فِيهِ كُفُرٌ أَوْ أَيْةٌ لِلْكُفُرِ.

(Hadith riwayat Ahmad: 17821)

Maksudnya: “Daripada Amru bin al-‘As r.a.: sesungguhnya dia mendengar seorang lelaki membaca sepotong ayat dari al-Quran, maka dia bertanya: siapa yang membacakan ayat ini kepada engkau? Maka dia menjawab: Rasulullah SAW, dia (Amru) berkata: sesungguhnya baginda membacakan ayat ini kepada aku dengan bacaan yang lain! Maka mereka berdua pergi bertemu dengan Rasulullah dan salah seorang dari mereka bertanya: wahai Rasulullah, ayat sekian sekian kemudian dia membacanya, baginda menjawab: begitulah ia diturunkan, maka berkata seorang lagi: wahai Rasulullah! Maka dibacanya ayat itu dan bertanya: bukankah begini wahai Rasulullah? Baginda menjawab: begitulah ia diturunkan. Maka baginda berkata: sesungguhnya al-Quran diturunkan dengan sab’ah ahruf, maka yang mana saja kamu baca ia adalah sahih, dan jangan kamu ragu padanya, kerana keraguan kepadanya akan menyebabkan kamu kafir atau pun ia adalah tanda-tanda kafir”.

Berdasarkan hadith di atas, dua intipati utama yang boleh kita simpulkan adalah keprihatinan ulama terhadap sanad al-Quran dan sumber sanad al-Quran datangnya dari Rasulullah SAW. (Ahmad Saad, 2013). Intipati yang pertama boleh dilihat melalui kata-kata sahabat iaitu (منْ أَفْرَأَكُمْ؟) yang menunjukkan sahabat bertanya dari siapa bacaan al-Quran tersebut diambil. Ini membuktikan para sahabat mengambil berat dan prihatin terhadap jalur sanad sesuatu bacaan. Setiap bacaan al-Quran perlu diketahui dari mana asal jalur sanadnya bagi memastikan kesahihannya. Intipati yang kedua pula boleh diambil dan diterjemahkan dari jawapan sahabat iaitu (رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ) yang bermaksud mereka menerima bacaan al-Quran tersebut dari Rasulullah SAW. Ini menunjukkan bahawa baginda adalah sumber sanad bacaan al-Quran. Setiap bacaan yang sahih pasti berasal dari baginda SAW. Kesemua ini juga merupakan bukti bahawa kemunculan ilmu sanad al-Quran telah pun bermula dari zaman Rasulullah SAW. Para sahabat mengambil sanad bacaan al-Quran secara *talaqqi musyafahah* daripada baginda. Kaedah *talaqqi musyafahah* ini terus diamalkan pada setiap zaman oleh para *qurra'* dan ahli-ahlinya sehingga ke masa kini.

## 2. Definisi Sanad Talaqqi al-Quran

Sanad secara bahasa berasal dari perkataan سند yang bermaksud menopang, menyandar atau menyangga (Kamus Pelajar, 2010). Dalam istilah ilmu *qiraat*, sanad diertikan sebagai rangkaian *muqri'* daripada *muqri'* sehingga sampai kepada Rasulullah SAW (Khairuddin Said & Jamaluddin Adam, 2011). Dalam pengertian yang lebih khusus sanad atau *isnad* bermaksud sandaran, sijil tauliah atau kesaksian dalam penerimaan sesuatu *qiraat* (al-Jazari, 2002). Manakala Muhammad bin Sayyidi (2004) pula menyatakan sanad di sisi *qurra'* adalah salasilah perawi yang meriwayatkan bacaan, riwayat, *thariq*, dan wajah daripada sumber utama.

Menurut Kamus Pelajar (2010), *talaqqi* merupakan perkataan yang diambil daripada kata dasar *لتقى* iaitu bertemu, bersemuka atau bertembung. Al-Zurqani (2001) menyatakan *talaqqi* bermaksud pengambilan bacaan al-Quran daripada seorang yang dipercayai daripada guru yang dipercayai dan seorang imam daripada imam sehinggalah kepada Nabi Muhammad SAW. Al-Majidi (2000) pula berpandangan *talaqqi* adalah satu metode pembelajaran lafaz-lafaz al-Quran di mana seorang guru akan membacakan sepotong ayat kepada murid, lalu murid tersebut akan membacakan semula ayat tersebut dengan cara bacaan guru tadi. Farhah Zaidar (2014) menyatakan *talaqqi* dari sudut istilah bermaksud mengambil atau belajar ilmu secara langsung di hadapan guru.

Oleh itu sekiranya dihubungkan, sanad *talaqqi* al-Quran membawa maksud salasilah perawi yang meriwayatkan bacaan al-Quran secara bersambung daripada sumber utama iaitu Rasulullah SAW yang diperolehi secara bersemuka di hadapan guru.

### 3. Sanad Sebagai Salah Satu Rukun *Qiraat Sahihah* dan Penjagaannya dalam Kalangan *Qurra'*

Imam Ibnu al-Jazari telah menuliskan di dalam bait syair beliau iaitu *Tayyibah al-Nasyr fi Qiraat al-'Asyr* seperti berikut (al-Nuwairi, 2003):

فَكُلُّ مَا وَاقَ وَجْهَ تَحْوِي  
وَكَانَ لِلرَّسْمِ احْتِنَالًا يَخْوِي

وَصَحَّ إِسْنَادًا هُوَ الْقُرْآنُ فَهَذِهِ التَّلَاثَةُ الْأَرْكَانُ

وَحَيْثُمَا يَخْتَلَ رُكْنٌ أَنْبَتِ شَدُودَةً لَوْ أَنَّهُ فِي السَّبْعَةِ

Tiga rangkap bait syair di atas adalah rukun *qiraat sahihah* menurut Imam Ibnu al-Jazari. Tiga rukun *qiraat sahihah* yang dinyatakan adalah bacaan al-Quran yang menepati kaedah bahasa Arab sekalipun dari satu sudut, bertepatan dengan salah satu dari mashaf uthmani dan juga sanad yang sahih. Manakala bacaan yang rosak satu rukun atau lebih, maka ia termasuk dalam kategori *qiraat shadhdhah*. Kesahihan sanad merupakan rukun yang sangat penting bagi memastikan bacaan tersebut benar-benar datang dari Rasulullah SAW. Oleh itu, kajian ini akan lebih terfokus kepada rukun *qiraat sahihah* yang ketiga iaitu sanad yang sahih.

Sanad al-Quran yang sahih perlu sentiasa dijaga dan dipelihara pada setiap zaman. Setiap murid yang ingin mendapatkan sanad al-Quran perlu memastikan gurunya adalah seorang yang menjaga agama dan ilmu serta memiliki sanad yang sahih. Ada pun begitu, murid tidak seharusnya membandingkan ketinggian sanad guru-guru al-Quran, tetapi melihat kepada sifat-sifat baik yang terdapat pada mereka. Sebagai contoh, Sufyan al-Thauri (w. 161H) tidak mengambil bacaan al-Quran melainkan daripada Imam Hamzah walaupun pada ketika itu wujud ulama-ulama yang lebih tinggi sanadnya daripada beliau (Ahmad Abdul Rahim, 2011). Ini adalah kerana Imam Hamzah dikenali sebagai seorang yang warak dan bertaqwah. Telah berkata al-Dhahabi (2004) dalam kitabnya *Siyar A'lam al-Nubala'* bahawa Sufyan al-Thauri telah membaca al-Quran daripada Imam Hamzah sebanyak empat kali khatam.

Di samping itu, Imam Ibnu al-Jazari dengan kesungguhannya telah berusaha untuk mengumpul kembali kembali kesemua sanad-sanad *qiraat* al-Quran di zaman beliau. Beliau telah bertemu semua *qurra'* yang mempunyai sanad-sanad *qiraat* al-Quran dan menapisnya semula untuk memastikan kesahihannya (Khairuddin Said & Jamaluddin Adam, 2011). Beliau telah memperolehi hasil yang sangat lumayan lantas menghasilkan karya agung dalam ilmu *qiraat* iaitu sebuah syair yang diberi nama *Tayyibah al-Nasyr fi Qiraat al-'Asyr*. Syair ini mengumpulkan ilmu *qiraat* sepuluh dan digunakan hingga ke hari ini sebagai rujukan utama dalam ilmu *qiraat*. Kesungguhan beliau dalam mengumpul sanad-sanad al-Quran adalah bukti betapa pentingnya menjaga kesahihan sanad al-Quran.

Kesungguhan para *qurra'* dalam menjaga sanad al-Quran tidak dapat disangkal. Sejak zaman-berzaman, mereka telah mengkaji, meneliti, memastikan dan mengasingkan sanad yang sahih dan *dhaif*, sanad yang diterima dan ditolak, sanad yang mutawatir dan ahad, serta sanad yang '*ali* (tinggi) dan *nazil* (rendah). Dua usaha ulama *qiraat* dalam menjaga sanad al-Quran adalah dengan menulis kitab-kitab *thabaqat al-qurra'* dan juga menerangkan aib-aib yang terdapat di dalam sanad al-Quran yang bermasalah (Ahmad Saad, 2013). Walau bagaimanapun menurut kajian Ahmad Saad (2013), hanya terdapat 7 buah karangan *thabaqat al-qurra'* yang boleh diperolehi pada zaman sekarang seperti "*Ma'rifah al-Qurra' al-Kibar 'ala al-Thabaqat wa al-'Ashar*" oleh Imam al-Dhahabi (w. 748H), "*Ghayah al-Nihayah fi Thabaqat al-Qurra'*" oleh Imam Ibnu al-Jazari (w. 833H) dan "*al-Halaqat al-Mudhiyat min Silsilah Asanid al-Qiraat*" oleh al-Sayyid bin Ahmad bin Abdul Rahim.

Kesemua karangan kitab-kitab *thabaqat al-qurra'* ini adalah bukti betapa pentingnya menjaga jalur sanad al-Quran. Usaha menjaga dan menjamin kesahihan sanad ini perlu diteruskan pada setiap zaman oleh individu yang berkeahlilan. Jika diperhatikan, pengarang kitab-kitab *thabaqat al-qurra'* bukan semuanya berlatarbelakang ulama *qiraat*, malah ada diantara mereka ialah ulama hadis seperti al-Sakhawi dan ahli sejarah seperti Khalifah bin Khayyat. Ini menunjukkan betapa pentingnya menjaga jalur sanad al-Quran sehingga ia dijaga oleh ulama dalam bidang-bidang yang lain.

### 4. Pengijazahan Sanad *Talaqqi al-Quran*

Ijazah dari sudut bahasa bermaksud keizinan atau kebenaran melakukan sesuatu (Farhah Zaidar, 2014). Ijazah juga bermaksud izin, kebenaran, atau pun surat akuan yang diberikan oleh universiti sebagai tanda tamat belajar

dan telah lulus dalam peperiksaan (Kamus Dewan, 2015). Manakala ijazah di sisi para *qurra'* bermaksud keizinan yang diberikan kepada pembaca al-Quran (murid) untuk membaca al-Quran dalam satu riwayat atau pun lebih, dan disyaratkan secara *musyafahah* (Ibrahim Said, 2008). Maka ijazah adalah seperti penyaksian daripada guru untuk murid yang berkeahlian dalam bacaan al-Quran (al-Suyuti, 2008). Di dalam ilmu pengajian al-Quran bersanad, ijazah boleh berbentuk kata-kata akuan daripada guru atau dokumen berbentuk jalur sanad guru yang bersambung pada setiap individu tanpa terputus di mana-mana serta sampai kepada Rasulullah SAW secara bertulis (Khairuddin Said & Jamaluddin Adam, 2011). Simbol kepada pengijazahan tersebut adalah dengan memberikan sehelai kertas dan ditulis sanad-sanad bacaan al-Quran yang diterimanya sehingga kepada muridnya. Pengijazahan sanad secara bertulis dapat memberikan keyakinan kepada muridnya untuk mengamalkan bacaan al-Quran yang diperolehi dan seterusnya mengajar individu lain (Ahmad Abdul Rahim, 2005). Sebahagian yang lain pula cukup dengan sekadar berjabat tangan dan ditauliahkan dengan menyebut sanad-sanad al-Quran yang diterimanya sehingga kepada anak muridnya. Pengijazahan yang dilakukan secara lafaz adalah berdasarkan perlakuan Rasulullah SAW kepada para sahabat. Sebagai contoh, baginda mengiktiraf Ubai bin Kaab sebagai sahabat yang terbaik dalam bacaan al-Quran. Sebagaimana yang disebut oleh Imam Ahmad (1995) dalam musnadnya, daripada Anas bin Malik r.a. berkata:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: وَأَفْرُوهَا لِكِتَابِ اللَّهِ أَبِيٌّ.

(Hadith riwayat Ahmad: 12904)

Maksudnya: “Rasulullah SAW telah bersabda: Dan orang yang terbaik bacaan al-Qurannya adalah Ubai”.

Setiap penuntut ilmu bacaan al-Quran perlu mempersiapkan diri dengan ilmu-ilmu yang berkaitan sebelum diiktiraf dan diberikan ijazah daripada gurunya. Adapun begitu, ketidaaan ijazah daripada guru bukanlah bukti seseorang itu tidak berkeahlian dalam bacaan al-Quran (Ibrahim Said, 2008). Tetapi ijazah adalah sebagai hujah dan bukti untuk menepis segala sangkaan buruk dan keraguan dari pihak yang lain.

## 5. Relevansi Pewarisan Sanad *Talaqqi al-Quran*

Analisis menunjukkan terdapat lima faktor yang menjadikan sanad *talaqqi al-Quran* kekal relevan diamalkan pada masa kini. Ia diperincangkan sebagaimana berikut:

### a. Sunnah Rasulullah SAW

Tradisi pengambilan sanad *talaqqi al-Quran* perlu diteruskan kerana wujudnya beberapa kepentingan. Kepentingan utama pengambilan sanad adalah kerana ianya merupakan sunnah Rasulullah SAW. Baginda membaca al-Quran dengan Jibril a.s. secara *bertalaqqi* dan mengulangnya pada bulan Ramadhan setiap tahun. Setiap surah dan ayat al-Quran disampaikan oleh Jibril kepada baginda menerusi kaedah *talaqqi musyafahah* iaitu Jibril membaca ayat al-Quran dan diikuti oleh baginda, seterusnya dihafaz ayat-ayat tersebut oleh baginda. Bermula dari surah al-'Alaq hingga kepada ayat yang terakhir, kaedah ini berterusan digunakan turun-turun untuk mewariskan al-Quran sehingga ke hari ini (Wan Mohd Hazim, 2012). Daripada baginda kepada para sahabat, kemudian diwariskan kepada tabi'in dan sehingga sampai kepada kita ayat-ayat al-Quran, yang mana semua ini membuktikan kesinambungan sanad al-Quran yang terjaga rapi oleh para guru al-Quran. Baginda sentiasa memperdengarkan ayat-ayat al-Quran kepada para sahabat sama ada ketika berkutbah, berdakwah, mengeluarkan fatwa, solat berjemaah dan sebagainya (Abd Rahman Abd Ghani, 2009). Hal ini sekaligus menunjukkan pengambilan sanad al-Quran adalah merupakan sunnah Rasulullah SAW yang perlu dijaga dan diamalkan secara berterusan.

Pengajian al-Quran secara bersanad mempunyai kepentingan tersendiri yang perlu diambil berat dan perhatian oleh umat Islam. Pengajian bersanad merupakan sistem tradisi ilmu Islam yang dipelopori oleh para sahabat sejak menuntut ilmu daripada Rasulullah SAW. Para sahabat mengambil pelbagai ilmu dan maklumat dari mulut baginda sendiri ataupun dari mulut sahabat yang lain ketika sesi perkongsian ilmu (Khairuddin Said & Jamaluddin Adam, 2011). Tradisi ini berterusan sehingga kepada generasi kini tanpa mengira bidang ilmu sama ada al-Quran, hadith, fiqh dan lain-lain. Ilmu yang diperolehi dari mulut para guru adalah contoh kaedah *bertalaqqi* dan tradisi pengambilan ilmu secara bersanad. Kewujudan pelbagai buku tajwid di era moden tidak mampu membantu meningkatkan mutu bacaan al-Quran secara total (Izuli Dzulkifli & Abdul Rahman Ghani,

2011). Oleh itu sunnah *talaqqi musyafahah* ini perlu diteruskan sebagai kaedah yang utama.

#### *b. Kesahihan Bacaan*

Seterusnya, sanad amat dititikberatkan dalam pembelajaran bacaan al-Quran kerana ia merupakan satu-satunya cara yang terbaik untuk mengetahui kesahihan, kebenaran dan kebolehpercayaan bacaan yang diperolehi. Abdul Rahman Abdul Khaliq (2009) dalam kitabnya telah menekankan kaedah kedua hafazan iaitu membetulkan sebutan dan bacaan. Beliau menggalakkan para huffaz untuk membetulkan ucapan dan bacaan mereka dengan memperdengarkan bacaan kepada qari atau huffaz yang mahir. Guru yang mahir dalam bacaan al-Quran memainkan peranan yang penting bagi memastikan setiap ayat yang dibaca adalah bertepatan dengan bacaan Rasulullah SAW. Walaupun kita dibanjiri dengan kemajuan teknologi yang semakin canggih dalam memberikan pendidikan al-Quran, namun begitu ia masih terdapat kekurangan dan kelemahan. Secara mudahnya, teknologi yang ada tidak mampu untuk menjadi guru yang boleh mengajar bacaan al-Quran secara tepat dan sah. Allah s.w.t. juga telah memerintahkan umat Islam supaya memastikan setiap berita dan ilmu yang diperolehi adalah dari sumber yang sah. Firman Allah dalam al-Quran surah al-Hujurat ayat 6:

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءامَنُوا إِنْ جَاءُكُمْ فَاسِقٌ بِنَبِيٍّ فَتَنَيَّرُوا أَنْ تُصِيبُوْا قَوْمًا بِجَهَلٍ فَلْتَصِبُوْا عَلَىٰ مَا فَعَلْتُمْ نَدِيمِينَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Jika datang kepada kamu seorang fasik membawa sesuatu berita, maka selidikilah (untuk menentukan) kebenarannya, supaya kamu tidak menimpakan sesuatu kaum dengan perkara yang tidak diingini, dengan sebab kejahilan kamu (mengenainya) sehingga menjadikan kamu menyesali apa yang kamu telah lakukan”.

Sehubungan dengan itu juga, proses penurunan al-Quran ke atas Nabi Muhammad SAW melalui Malaikat Jibril adalah secara kaedah *bertalaqqi* iaitu secara bacaan dan bukannya tulisan (Khairuddin Said & Jamaluddin Adam, 2011). Setiap huruf, perkataan dan ayat al-Quran diajarkan oleh Jibril dengan cara membacanya dan diikuti oleh baginda tanpa perubahan bagi memastikan al-Quran sentiasa terpelihara. Para sahabat juga sangat mengambil berat terhadap ayat-ayat al-Quran yang mereka terima dari baginda. Mereka mengamalkan *talaqqi musyafahah* agar dapat mewariskan ayat al-Quran kepada generasi seterusnya bertepatan sebagaimana yang mereka terima dari Rasulullah SAW (Abd Rahman Abd Ghani, 2009). Hal ini merupakan salah satu keistimewaan sanad bagi menjaga, menjamin dan membuktikan kesahihan bacaan al-Quran dan *qiraat* sehingga ke akhir zaman (Khairuddin Said & Jamaluddin Adam, 2011).

#### *c. Kebanggaan Penuntut Ilmu*

Tambahan lagi, mempelajari sesuatu ilmu dan memiliki sanad yang bersambung sampai kepada Rasulullah SAW adalah satu kelebihan yang mulia untuk dimiliki oleh setiap individu. Ilmu yang diterima adalah bersifat sahih, benar dan sah kerana ianya bersambung terus sampai kepada baginda tanpa ada keraguan. Ia merupakan keistimewaan yang hanya dimiliki oleh umat Islam sahaja (Thabit Ahmad, 2018). Amalan pengambilan sanad ini telah berlaku secara meluas di negara-negara arab dan di Timur Tengah. Para guru yang mempunyai sanad akan mengijazahkan sanad kepada pelajar-pelajar mereka setelah tamat proses pembelajaran. Bukan sekadar al-Quran, malah setiap kitab dan ilmu yang dipelajari akan diijazahkan sanad tanda ilmu tersebut bersambung hingga kepada baginda SAW. Pengambilan sanad ini menjadi suatu kebanggaan kepada para penuntut ilmu, malahan masing-masing berlumba untuk mendapatkan sanad yang lebih banyak dan lebih tinggi (‘ali) hampir kepada baginda. Memperoleh ijazah sanad *talaqqi* al-Quran bersanad merupakan suatu pengiktirafan yang tertinggi dalam bidang pengajian bacaan al-Quran (Norazman Alias, Khairul Anuar Mohamad & et. al, 2015).

#### *d. Kelangsungan Sanad ‘Ali*

Mempelajari al-Quran secara *talaqqi* bersanad juga bertujuan untuk menjaga sanad tinggi (‘ali). Para *qurra* sanggup bermusafir ke negara lain dalam usaha mereka untuk mendapatkan sanad yang ‘ali’ (Norazman Alias, Khairul Anuar Mohamad & et. al, 2018). Sanad ‘ali’ bermaksud sanad yang hampir dengan Rasulullah SAW dari sudut bilangan *isnad* yang bersih tanpa *dhaif* (Khairuddin Said & Jamaluddin Adam, 2011). Lawan bagi sanad ‘ali’ adalah sanad *nzil* iaitu sanad yang mengandungi ramai perantara untuk sampai kepada Rasulullah

SAW.

Mencari, mengkaji dan menjaga sanad ‘*ali* adalah tradisi yang diamalkan oleh para *qurra’*. Sebagai contoh Syeikh Mustafa Hasan al-Warraqi (2008) melalui kitab beliau *Tuhfah al-Ikhwan bima ‘ala min Asanid Qurra’ haza al-Zaman* telah mengkaji jalur sanad al-Quran yang tinggi pada zaman sekarang dan mendapat hasil yang sangat lumayan. Begitu juga ramai ulama telah menulis kitab-kitab *thabaqat al-qurra’* untuk mengetahui dan mengenal pasti para *qurra’* mengikut zaman dan *thabaqat* mereka. Syeikh Abdul Fattah al-Mirsofi (2009) ketika memuji Syeikh Abdul Aziz ‘Uyun juga menyebut mengenai ketinggian sanad beliau: “Sesungguhnya sanad ini adalah sanad yang tertinggi buat masa ini di Mesir dan sanad yang tinggi hampir kepada Tuhan sekalian alam”. Oleh itu, penjagaan sanad ‘*ali* juga merupakan antara faktor relevansi pewarisan sanad *talaqqi* al-Quran pada setiap zaman.

#### *d. Bimbingan Berterusan*

Konsep sanad dan kaedah *bertalaqqi* akan membentuk bimbingan yang berterusan seorang guru terhadap muridnya. Setiap murid akan mendengar dan memperdengarkan bacaan secara menyeluruh dari awal al-Quran iaitu surah al-Fatihah hingga penghujungnya iaitu surah al-Nas. Tempoh masa untuk menamatkan pembelajaran al-Quran mengambil masa yang lama malah mungkin memakan masa beberapa tahun (Khairuddin Said & Jamaluddin Adam, 2011). Perkara ini akan memupuk hubungan yang baik diantara guru dan murid disamping bimbingan pembelajaran al-Quran secara berterusan. Pembelajaran al-Quran tidak boleh dilaksanakan dalam tempoh waktu yang pendek seperti satu malam atau tiga malam kerana ia ditakrifkan sebagai bermudah-mudah (*tasahul*) dalam sesi pembelajaran (Ibrahim Said, 2008).

Antara kebaikan pembelajaran berterusan bersama guru adalah setiap kesalahan murid akan ditegur secara terus oleh guru, murid boleh melihat penyebutan huruf secara tepat dari mulut guru, murid lebih memberi tumpuan dan murid akan sentiasa mendapat nasihat serta kata-kata semangat dari gurunya (Wan Mohd Hazim, 2012). Pembelajaran al-Quran secara bersanad sudah pasti akan meliputi ilmu-ilmu wajib seperti hukum tajwid, *waqf ibtida’* dan kelancaran bacaan al-Quran sekaligus dapat melahirkan pelajar yang juga berkemahiran untuk mengajar al-Quran (Izuli Dzulkifli & Abdul Rahman Ghani, 2011).

## 6. Kesimpulan

Terdapat tiga golongan penuntut al-Quran terhadap sanad iaitu golongan yang tidak mementingkan sanad, golongan yang mendapatkan sanad dengan jalan pintas dan golongan yang bersungguh lagi tekun dalam mempelajari al-Quran. Berdasarkan perkara ini, penulis berpandangan kita semua dituntut dan digalakkan untuk termasuk dalam golongan yang ketiga. Golongan ini menjaga dan menekuni bacaan al-Quran dengan sebaiknya. Mereka hanya mencari dan mendapatkan sanad dari guru al-Quran yang berkeahlian apabila bacaan al-Quran mereka telah mencapai tahap yang memuaskan. Maka terhasillah ke atas golongan ini dua perkara iaitu ilmu dan sanad. Setiap murid yang mempelajari bacaan al-Quran seharusnya mempunyai ilmu yang sahih terhadap apa yang dipelajarinya. Ilmu asas al-Quran seperti tajwid perlu dikuasai sebelum memperolehi sanad al-Quran. Ini adalah supaya sanad yang diperolehi tidak menjadi fitnah di kemudian hari kelak.

Dapatkan kajian menunjukkan terdapat lima faktor utama relevansi pewarisan sanad *talaqqi* al-Quran iaitu sunnah Rasulullah SAW, kesahihan bacaan, kebanggaan penuntut ilmu, kelangsungan sanad ‘*ali* dan bimbingan berterusan. Implikasi daripada dapatkan kajian adalah mustahak untuk membimbing masyarakat membina persepsi yang tepat terhadap kepentingan amali pewarisan sanad *talaqqi* al-Quran untuk dilestarikan pada masa kini dan sekaligus mengekang timbulnya stigma negatif dalam isu ini.

## Rujukan

- Abd Rahman Abd Ghani. (2009). *Pemeliharaan Al-Quran: Kajian Di Unit Kawalan Teks Al-Quran Kementerian Keselamatan Dalam Negeri*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Abdul Rahman Abdul Khaliq. (2009). *al-Qawaaid al-Dzahbiyyah fi Hifz al-Quran wa Tadabburih wa al-Fath 'ala al-Imam*. Jam'iyyah at-Turath al-Islami.
- Ahmad Abdul Rahim. (2005). *Asanid al-Qurra' al-'Asyarah Waruwatihim al-Bararah*. al-Jam'iyyah al-Khairiyah li Tahfiz al-Quran al-Karim.

- Ahmad Abdul Rahim. (2011). *Fitnah al-Asanid wal-Ijazati al-Quraniah*. Tanta, Mesir: Dar as-Sahabah lit-Turath.
- Ahmad bin Hanbal, tahqiq: Syu'aib al-Arnaut & Adil. (1995). *Musnad*. Muassasah al-Risalah.
- Ahmad Saad. (2013). *Asanid al-Qiraat wa Manhaj al-Qurra' fi Dirasatiha*. Barnamij Qurasi al-Bahs.
- al-Dhahabi. (2004). *Siyar A'lam an-Nubala'*. Lubnan: Bait al-Afkar ad-Dauliyah.
- al-Jazari. (2002). *Tayyibah al-Nasr fi Qiraat al-'Asyr*. Kaherah: Maktabah al-Sunnah.
- al-Majidi. (2000). *Talaqqi an-Nabi Sallahu 'Alaihi Wasallam Alfaz al-Quran al-Karim*. Beirut: Muassasah ar-Risalah.
- al-Mirsofi. (2009). *Hidayah al-Qari ila Tajwid Kalam al-Bari*. Maktabah Toyyibah.
- al-Nuwairi. (2003). *Syarah Tayyibah an-Nasr fi al-Qiraat al-'Asyr*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Suyuti. (2008). *al-Itqan fi 'Ulum al-Quran*. Kaherah: Dar as-Salam.
- al-Zurqani. (2001). *Manahil al-Irfan fi 'Ulum al-Quran*. Kaherah: Dar al-Hadis.
- Farhah Zaidar. (2014). *Faktor-faktor Dorongan Aplikasi Talaqqi Bersanad (TB) Dan Keperluannya Dalam Pengajian Hadis Di Malaysia*. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mustafa Hasan. (2008). *Tuhfah al-Ikhwan bima 'ala min Asanid Qurra' Haza az-Zaman*. Muassasah Qurtubah.
- Ibrahim Said. (2008). *Iqra' al-Quran al-Karim: Manhajuhu wa Syurutuhu wa Asalibuhu wa Adabuhu*. Markaz ad-Dirasat wa al-Maklumat al-Quraniyyah.
- Izuli Dzulkifli & Abdul Rahman Ghani. (2011). Keperluan Bertalaqqi Dan Bermusyafahah Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Ilmu Al-Qur'an: Satu Tuntutan. *Seminar Qiraat Peringkat Kebangsaan*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Kamus Dewan. (2015). *Edisi Keempat*. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Khairi Zainuddin, Nazri Zainuddin & Fuad Mohd Isa. (2010). *Kamus Pelajar*. Al Azhar Media Enterprise.
- Khairuddin Said & Jamaluddin Adam. (2011). Keaslian Sanad Pengajian Al-Quran: Kelangsungan Tradisi Ilmu Al-Quran. *Seminar Qiraat Peringkat Kebangsaan*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Khairuddin Said, & Jamaluddin Adam. (2011). Corak Tariq Sanad Pengajian Al-Quran Di Negeri Pahang. *Centre of Quranic Research International Journal*.
- Muhammad Sayyidi. (2004). *al-Isnad 'inda Ulama al-Qiraat*. Madinah al-Munawwarah: Majallah al-Jamiah al-Islamiyyah.
- Norazman Alias, Khairul Anuar Mohamad & et. al. (2015). Fenomena Talaqqi Al-Quran Bersanad Riwayat Hafs 'An 'Asim Menurut Tariq Al-Syatibiyah: Sumbangannya Dalam Perkembangan Pengajian Al-Quran Di Malaysia. FPQS, USIM.
- Thabit Ahmad. (2018). *al-Asanid wa al-Ijazat wa Duraha fi Itqan wa Dabt Hifz al-Quran al-Karim*. *Multaqa Huffaz Negeri Pahang*.
- Wan Mohd Hazim. (2012, April 20). Al-Quran Dan Talaqqi Musyafahah. *Makalah Dakwah, Masjid Abidin, Kuala Terengganu*.